

Bab Dua

Hubungan semangat dan alat muzik tabuhan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam

Hubungan semangat dengan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam amat erat dan sukar untuk dipisahkan. Ini adalah kerana kepercayaan semangat telah sebatи dalam jiwa masyarakat Melayu Kelantan dan Cam, walaupun kedua-dua masyarakat itu mengamalkan ajaran agama Islam. Kepercayaan semangat yang tersemat dalam diri masyarakat Melayu Kelantan dan Cam telah menyebabkan setiap kegiatan aktiviti kedua-dua masyarakat itu amat bergantung kepada semangat.

Selain itu, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam adalah merupakan masyarakat agraria. Masyarakat agraria adalah merupakan masyarakat yang menjalankan aktiviti

perkerjaan pertanian.¹ Masyarakat agraria amat mempercayai bahawa semangat yang mendiami alam manusia yang mempengaruhi dan mengawal setiap aktiviti harian mereka. Untuk mengawal dan menjaga keselamatan mereka, masyarakat agraria menjalankan pelbagai upacara ritual dengan diiringi bunyian muzik.²

Oleh itu, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam menjalankan upacara ritual yang membabitkan penggunaan iringan muzik seperti di dalam aktiviti pertanian, repertoir seni persesembahan dan alat muzik. Dalam aktiviti pertanian, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam menjalankan upacara ritual seperti ritual buka tanah pertanian dan puja semangat padi. Begitu juga, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam menggunakan iringan muzik semasa upacara ritual di dalam repertoir seni persesembahan seperti upacara ritual buka panggung dan tutup panggung. Selain itu, ritual puja alat muzik

¹ Collins English Dictionary and Thesaurus (Glasgow: Harper Collins Publishers, 1997), hlm. 25. Lihat juga kepada Kamus Dewan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), hlm. 12.

² Raymond Firth, "Faith and Scepticism in Kelantan Village Magic," dalam Kelantan: Religion, Society and

dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam turut menggunakan iringan muzik sebagai mempercepatkan proses tidakbalas.

Definisi semangat

Semangat boleh ditakrif sebagai suatu kuasa yang boleh mempengaruhi sesuatu benda atau kejadian. Semangat yang berada pada sesuatu benda atau kejadian itulah yang menentukan kekuatan dan keteguhan sesuatu benda atau kejadian itu. Menurut kepercayaan masyarakat Melayu, setiap benda atau kejadian itu mempunyai semangat.³ Ini selari dengan definisi semangat yang dikemukakan di dalam Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu yang menyatakan bahawa "semangat adalah suatu kuasa yang boleh dirujuk kepada makhluk ghaib yang mempunyai kuasa yang dapat mempengaruhi

Politics in Malay States, ed., William R. Roff (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974), hlm. 191-192.

³ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, Kampung Gerong, Tumpat, 4 Julai 1997.

sesuatu benda dan kejadian".⁴ Justeru, semangat boleh dikaitkan dengan makhluk ghaib. Makhluk ghaib dikatakan mempunyai kuasa untuk mempengaruhi atau menyerap masuk ke dalam sesuatu benda atau kejadian tanpa mengubahnya. Oleh itu, semangat dan alat muzik tabuhan mempunyai hubungan yang rapat iaitu semangat yang berada pada alat muzik tabuhan mempunyai kuasa mempengaruhi alat muzik itu untuk menghasilkan bunyi.

Manakala, Skeat menerangkan bahawa semangat mengikut kepercayaan masyarakat Melayu terbahagi kepada dua iaitu seperti roh manusia dan makhluk halus. Beliau menjelaskan semangat adalah seperti,

"Malay conception of the human soul (semangat) is that of a species of "thumblings" "a thin, unsubstantial human image", or mannikin, which is temporarily absent from the body in sleep, trance, disease and permanently absent after death".⁵

⁴ Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999), hlm. 2183.

⁵ William Skeat, Malay Magic: An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula (London: Oxford University Press, 1982), hlm. 47.

Oleh itu, semangat boleh dirujuk mempunyai kuasa untuk mempengaruhi sesuatu benda atau kejadian. Justeru, semangat yang berada pada sesuatu benda yang memberikan kuasa kepada sesuatu benda tanpa mengubah bentuk sesuatu benda itu. Oleh demikian, semangat yang berada pada alat muzik tabuhan merupakan semangat yang membantu alat muzik itu menghasilkan kesan bunyi. Semangat juga boleh menyerap masuk ke dalam jiwa pemain alat muzik tabuhan apabila pemain itu mengalami kelupaan.

Ghulam Sarwar Yousof juga berpendapat bahawa dalam kepercayaan masyarakat Melayu, semangat terbahagi kepada dua kategori iaitu roh manusia dan kuasa atau tenaga. Ghulam menjelaskan bahawa semangat yang berada pada setiap benda atau kejadian yang terdapat pada alam sejagat mempunyai kuasa atau tenaga yang diserap daripada alam sejagat termasuk batu, pokok, besi dan keris. Pendapat beliau dikemukakan di dalam buku, Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre yang menjelaskan,

"This has effectively narrowed down the various terms for soul among the Malays to two basic concepts: first, the concept of *ruh* as the individual personal soul placed in Man through divine creation; and second, that of *semangat* identifiable with the universal life force or vital principle which permeates all nature, including apparently inanimate objects such as stones, metals, and trees, and the kris, a short Malay dagger which plays an important role in Malay magic as well as ceremonial practice".⁶

Berdasarkan definisi tersebut di atas didapati bahawa *semangat* adalah suatu kuasa atau tenaga yang diserap daripada alam sejagat. Justeru, kuasa atau tenaga yang terdapat pada *semangat* dapat mempengaruhi sesuatu benda atau kejadian tanpa mengubah bentuk benda atau kejadian itu. Oleh itu, *semangat* yang berada pada alat muzik tabuhan yang memberikan kuasa atau tenaga kepada alat muzik itu untuk menghasilkan bunyi.

Menurut Laderman, *semangat* tidak hanya terhad kepada kehidupan haiwan sahaja. Beliau juga menyatakan

⁶ Ghulam Sarwar Yousof, Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre (Petaling Jaya: Tempo Publishing, 1992), hlm. 10.

bahawa semangat dikaitkan dengan benda atau kejadian yang terdapat pada alam sejagat.⁷ Semangat yang berada di alam sejagat menyerap masuk dan mendiami di dalam kehidupan manusia, benda, binatang, tumbuhan dan batu. Semangat itu yang memberi kuasa atau tenaga menghidupkan manusia atau benda. Justeru, semangat yang berada pada sesuatu benda yang memberi kuasa atau tenaga kepada benda itu seperti semangat yang berada pada alat muzik tabuhan. Oleh itu, semangat yang berada pada alat muzik itu yang memberikan kuasa atau tenaga untuk menimbulkan bunyi.

Daripada perbincangan itu didapati bahawa semangat adalah sesuatu kuasa yang boleh mempengaruhi sesuatu benda atau kejadian. Selain itu, semangat juga dikaitkan dengan makhluk ghaib. Semangat yang berada pada sesuatu benda atau kejadian itu yang memberikan kuasa atau tenaga tanpa mengubah bentuk sesuatu benda atau kejadian itu. Oleh itu, semangat yang berada pada

⁷ Carol Laderman, Taming the Wind of Desire: Psychology, Medicine, and Anesthetics in Malay Shamanistic Performance (Berkeley: University of California Press, 1991), hlm. 41.

alat muzik tabuhan mempunyai kuasa atau tenaga yang dapat mempengaruhi alat muzik itu untuk menghasilkan bunyi.

Hubungan semangat dan ritual dalam kehidupan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam

Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam amat mempercayai bahawa kehidupan mereka telah dikawal atau dipengaruhi semangat. Ini adalah kerana masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa di alam ini turut didiami semangat. Oleh itu, untuk memelihara hubungan dengan semangat, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam menjalankan upacara ritual dengan diiringi muzik. Ini adalah bertujuan berdamai atau memujuk semangat supaya tidak membawa bencana atau kemusnahan kepada mereka.⁸

Masyarakat Melayu Kelantan sering mengaitkan semangat dan upacara ritual dengan penggunaan muzik

⁸ Mohd Taib Osman, "The Traditional Malay Socio-Political World-View," dalam Malaysian World-View, ed., Mohd Taib Osman (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), hlm. 56-59.

atau repertoire tradisional dalam aktiviti harian (Lihat lampiran C, jadual 1, halaman 246). Ini adalah kerana masyarakat Melayu Kelantan mempercayai bahawa bunyian muzik dapat menarik semangat masuk ke alam manusia untuk membantu mereka semasa membuka tanah pertanian atau memberi pulangan hasil tanaman yang banyak.⁹ Bagi masyarakat Melayu Kelantan, sebelum membuka tanah pertanian akan diadakan satu upacara ritual seperti majlis baca kenduri atau berjamu. Semasa majlis baca kenduri, ia turut disertakan iringan muzik supaya dapat mempercepatkan proses tindak balas tersebut. Biasanya, muzik yang dimainkan dalam majlis kenduri diambil daripada muzik repertoire Wayang Kulit Siam.

Begitu juga semasa majlis baca kenduri, beberapa jenis sajian disediakan untuk dipersembahkan kepada semangat seperti pulut kuning, bertih, beras kunyit dan sebiji telur ayam masak dadar.¹⁰ Upacara ritual baca

⁹ Temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997. Raymond Firth, "Ritual and Drama in Malay Spirit Mediumship," dalam Comparative Studies in Society and History, Vol. 9 (The Hague: Mouton, 1967), hlm. 190-207.

¹⁰ Temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

kenduri atau berjamu bertujuan memujuk atau mengawal semangat yang mendiami tanah tidak mengganggu dan mengelakkan berlaku bencana atau gangguan kepada pengusaha tanah.

Masyarakat Melayu Kelantan juga melakukan upacara ritual puja semangat padi dengan diiringi bunyian muzik. Oleh itu, bomoh yang mengetuai upacara ritual akan dibantu oleh beberapa pemuzik yang terdiri daripada pemain gendang, serunai dan gong. Pada upacara ritual itu, bomoh akan mengambil benih padi untuk dijampi dan disemaikan terlebih dahulu sebelum ditanam di bendang sawah padi.¹¹ Pada masa yang sama, pemuzik akan memainkan lagu-lagu yang berkaitan dengan semangat seperti lagu Maharisi, lagu Pak Dogol dan lagu Bertabuh yang diambil daripada repertoire Wayang Kulit Siam.¹²

Begitu juga dalam upacara ritual itu turut

¹¹ Raymond Firth, "Faith and Scepticism in Kelantan Village Magic," dalam Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State, ed., William R. Roff, hlm. 194.

¹² Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

disediakan beberapa sajian untuk dipersembahkan kepada semangat.¹³ Proses permujaan semangat padi bertujuan meminta semangat padi agar memelihara benih yang baik. Selain itu, diharap agar semangat tidak menganggu pertumbuhannya.

Kadangkala, masyarakat Melayu Kelantan turut mempersembahkan repertoire Makyong kepada semangat padi. Persembahan repertoire Makyong diadakan sebagai tanda terima kasih kepada semangat padi kerana memberi rezeki yang banyak dan berharap dapat pulangan hasil yang baik di masa hadapan.

Selain itu untuk memilih tapak rumah, masyarakat Melayu Kelantan juga mempercayai bahawa semangat yang mendiami tanah perlu dikawal atau dipujuk dengan menggunakan bunyian muzik. Masyarakat Melayu Kelantan amat mengambil berat semasa pemilih tapak rumah. Pemilihan tapak rumah bergantung kepada kepercayaan

¹³ Bahan-bahan sajian yang diperlukan untuk puja semangat padi seperti kelapa sebiji, air secawan, minyak setitik, pisang sebiji dan tebu seruas. (Diperolehi semasa temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997).

bahawa tapak yang baik akan memberikan munfaat, kebaikan dan kesejahteraan kepada penghuninya. Semasa memilih tapak rumah yang sesuai, mereka mengadakan majlis berjamu atau kenduri dengan diiringi muzik untuk berdamai atau mengawal semangat daripada terganggu.

Begitu juga apabila sudah memperolehi tapak rumah yang sesuai, mereka juga akan mengadakan upacara ritual seperti menaikkan tiang seri rumah.¹⁴ Semasa mendirikan tiang seri akan diadakan upacara ritual tepung tawar yang dilakukan oleh bomoh dengan diiringi lagu-lagu seperti lagu Maharisi, lagu Pak Dogol dan lagu Bertabuh daripada repertoir Wayang Kulit Siam.

Manakala, peralatan tepung tawar pula terdiri daripada kemenyen, bertih, beras basuh, beras kunyit dan daun seputih.¹⁵ Mengikut kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan, tiang seri adalah tunjang kepada

¹⁴ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

¹⁵ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

kekuatan untuk mengelakkan penghuni rumah daripada gangguan semangat jahat atau makhluk halus.¹⁶

Dalam upacara ritual pengubatan tradisional masyarakat Melayu Kelantan juga mempunyai hubungan yang rapat dengan semangat. Masyarakat Melayu Kelantan amat mempercayai bahawa terdapat semangat yang dapat membantu mereka untuk memulihkan sesuatu penyakit dengan penggunaan muzik. Proses upacara ritual pengubatan dipanggil pengubatan Main Puteri. Proses pengubatan dilakukan dengan cara menyeru atau memanggil semangat agar datang membantu mereka. Upacara ritual pengubatan diketuai oleh seorang bomoh yang dipanggil Tok Minduk dan beliau akan menggesek rebab sambil membaca jampi mantera. Beliau akan dibantu oleh beberapa pemuzik yang terdiri daripada pemain gendang dan gong.

Selain itu, Tok Minduk akan dibantu oleh seorang pengantara yang dipanggil Tok Peteri. Semangat yang

¹⁶ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

diseru oleh Tok Minduk akan menyerap masuk ke tubuh Tok Peteri apabila berlaku kelupaan pada dirinya. Semasa proses menyeru itu, biasanya lagu-lagu yang dimainkan seperti lagu Maharisi, lagu Pak Dogol, lagu Hulubalang dan lagu Dewa Panah yang diambil daripada repertoire Wayang Kulit Siam.¹⁷ Pada masa itu akan berlaku proses interaksi di antara Tok Minduk dengan semangat yang berada di dalam tubuh Tok Peteri. Dalam masa interaksi itu, semangat akan menyatakan jenis penyakit yang dialami oleh pesakit. Proses pengubatan dilakukan berdasarkan kepada jenis penyakit yang dinyatakan oleh semangat. Kadangkala, masyarakat Melayu Kelantan mengabungkan ritual pengubatan Main Puteri dengan repertoire Makyong dan ia dipanggil pengubatan Makyong-Main Puteri.¹⁸

Begitu juga masyarakat Cam juga menjalankan aktiviti pertanian padi sawah sebagai pekerjaan utama di samping menangkap ikan. Masyarakat Cam juga

¹⁷ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 4 Julai 1997.

¹⁸ Lihat pada Ghulam Sarwar Yousof, Dictionary of Traditional South East Asian Theatre (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994), hlm. 160.

mempercayai bahawa tanah untuk pertanian turut didiami semangat.

Menurut kepercayaan masyarakat Cam bahawa setiap aktiviti penanaman padi turut mempunyai kaitan dengan semangat (Lihat lampiran K, halaman 288). Masyarakat Cam mempercayai untuk mendampingi dan mengimbangi semangat, mereka akan mengadakan upacara ritual dengan diiringi muzik. Oleh itu, sebelum tanah sawah dibajak terdapat satu upacara ritual yang dipanggil "Yang Tanah Akauk Thun". Pada masa yang sama, ginang ditabuh dengan memainkan lagu-lagu yang diambil daripada repertoire Rija seperti lagu Girat, lagu Man Sri dan lagu Cai Asit. Masyarakat Cam mempercayai dengan menggunakan muzik, ia dapat merayu atau memujuk semangat daripada membawa bencana dan ia juga sebagai memberi penghormatan kepada tanah sawah padi. Selain penggunaan muzik, masyarakat Cam turut menyediakan beberapa jenis sajian untuk dijamukan kepada semangat sebagai tanda terima kasih dan penghormatan.¹⁹ Selepas upacara ritual

¹⁹ Sajian khusus terdiri daripada daging kambing, seekor ayam jantan, bubur kacang, daun pinang, anak pokok tebu panjang sebatang, buah-buahan dan pakaian.

penghormatan tanah sawah dilakukan terdapat pula ritual semasa membajak tanah sawah. Pemilik tanah akan datang ke sawah pada sebelah malam dengan melakukan perbuatan membajak tanah sawah secara sembunyi.²⁰

Masyarakat Cam juga menggunakan iringan muzik semasa upacara ritual puja semangat padi. Ritual puja semangat padi masyarakat Cam dipanggil "Palaik Padai Trun Drak" iaitu menyemai benih padi.²¹ Dalam upacara ritual menyemai benih padi diketuai oleh seorang bomoh. Beliau dibantu oleh beberapa pemuzik yang terdiri daripada pemain ginang dan ceng. Bomoh akan memuja semangat padi dengan membaca jampi mantera dalam bahasa

(Diperolehi semasa sesi temubual dengan Kplang Ylang, Pusat Kebudayaan Ho Chi Minh, Ho Chi Minh City, 20 Julai 1999).

²⁰ Abdul Rahman Al-Ahmadi, ed., Alam Melayu: Sejarah dan Kebudayaan Campa (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), hlm. 213-214. Lihat juga kepada Ismail Hussein, P. B Lafont dan Pho Dharmaraj, ed., Dunia Melayu dan Dunia Indocina (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995)

²¹ Mereka juga menyambut upacara ritual tertentu pada bulan Cam keempat (Julai-Ogos) dan bulan Cam kelapan (November-Disember) kepada semangat Yvan Yang (perhormatan terhadap pelindung sawah), Trun Jantun Hatam (ritual membaiki tambak-tambak sungai) dan semangat Ndok Tyan Padai (perayaan bunga padi pertama). (Diperolehi semasa sesi temubual dengan Kplang Ylang, 20 Julai 1999).

Melayu.²² Benih padi dipuja dan dijampi supaya semangat padi tidak terganggu dan terpelihara. Semasa upacara ritual puja semangat padi, ginang ditabuh dengan memainkan lagu-lagu yang diambil daripada repertoire Rija. Selain itu, ritual puja semangat padi dilakukan supaya pertumbahan padi tidak terganggu. Didapati bahawa proses pemujaan semangat padi masyarakat Cam hampir sama dengan proses puja semangat padi yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Kelantan iaitu menggunakan muzik dalam upacara ritual.

Begitu juga, upacara ritual semasa musim padi mengeluarkan bunga sulung turut diiringi muzik repertoire Rija. Upacara ritual itu dipanggil "Ndok Tyan Padai", iaitu ritual bunga padi pertama. Semangat dalam bunga padi dipuja dengan menyediakan beberapa jenis sajian seperti seekor ayam jantan bulu putih, bubur kacang dan buah-buahan.²³ Masyarakat Cam mempercayai

²² Po Dharma, "Peranan Tamadun Melayu dalam masyarakat Campa," dalam Tamadun Melayu, ed., Ismail Hussein, Aziz Deraman dan Abdul Rahman Al-Ahmadi, Jilid 1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), hlm. 248-249.

²³ Diperolehi daripada semasa sesi temubual dengan Phu Van Han, Pusat Kebudayaan Minoriti Suku Bangsa Vietnam, Ho Chi Minh, 5 Ogos 1999.

bahawa ia akan memberikan hasil padi yang banyak dan bermutu baik. Begitu juga semasa menuai padi terdapat upacara ritual yang dipanggil "Hvak Padai Halung Mada", iaitu ritual menuai padi yang telah mengalami bunga pertama.

Selain itu, masyarakat Cam juga meletakkan kut-kut di atas tanah sawah padi mereka. Kut-kut adalah pasu atau tempayan yang diisikan dengan abu mayat nenek moyang mereka.²⁴ Kut-kut itu akan ditanam di kawasan tanah sawah untuk memperolehi keberkatan dan kesuburan kepada padi yang mereka usahakan. Masyarakat Cam akan mengadakan ritual yang dipanggil "Mbang kut" iaitu upacara puja di kubur nenek moyang.²⁵ Semasa upacara ritual itu, ia turut diiringi muzik repertoir Rija yang bertindak sebagai pengantara untuk menghubungi semangat. Kebanyakan lagu-lagu yang dimainkan dalam

²⁴ Tanda-tanda kubur nenek moyang yang mereka puja untuk memperolehi keberkatan dan kesuburan kepada tanaman mereka usahakan. Biasanya, kut-kut yang diletakkan di tanah sawah mengikut nama-nama keluarga mereka. (Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Van Han, 5 Ogos 1999).

²⁵ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Van Han, 5 Ogos 1999.

upacara ritual itu bersifat permujaan seperti lagu Man Sri, lagu Girat, lagu Ponai dan lagu Cai Asit.

Selain itu, masyarakat Cam juga mengadakan upacara ritual yang khusus dalam aktiviti penangkapan ikan iaitu "Pakap Halung Kraung". Upacara ritual "Pakap Halung Kraung" adalah bertujuan memuja kepada semangat pelindung sumber sungai. Semasa upacara ritual "Pakap Halung Kraung" berlangsung, ia turut diiringi muzik daripada repertoire Rija. Upacara ritual "Pakap Halung Kraung" dilakukan pada pertengahan tahun mengikut kalender Cam.²⁶ Pada upacara ritual "Pakap Halung Kraung", masyarakat Cam turut menyediakan beberapa sajian seperti yang disediakan dalam upacara ritual puja semangat padi. Sajian dipersembahkan kepada semangat yang tinggal di sungai seperti semangat ikan.²⁷ Semangat ikan dipuja oleh masyarakat Cam untuk

²⁶ Temubual dengan Dr Thanh Phanh, Universiti Terbuka Vietnam, Ho Chi Minh, 15 Julai 1999 dan Phu Van Han, 5 Ogos 1999.

²⁷ Upacara ritual Rija Nagar diadakan pada awal tahun kalender Cam dengan bertujuan memohon memperolehi hasil tangkapan yang banyak kepada tuhan laut, Diperolehi semasa temubual dengan Dr Thanh Phanh, 15 Julai 1999.

meminta restu dan keberkatan supaya mereka memperolehi hasil tangkapan yang banyak.

Begitu juga dalam ritual pengubatan masyarakat Cam turut berkaitan semangat dan muzik. Masyarakat Cam percaya dengan menggunakan bunyian muzik, ia dapat menarik semangat untuk tujuan pengubatan. Dalam masyarakat Cam, ritual pengubatan dipanggil Dhir Srwak dan diketuai seorang bomoh yang dipanggil Moduon. Moduon akan dibantu oleh beberapa pemuzik seperti pemain ginang, sarinai dan ceng.²⁸ Moduon akan menggesek kanhi sambil membaca jampi mantera dalam bahasa Melayu.²⁹ Selain itu, Moduon dibantu oleh seorang pelaku samada wanita atau lelaki sebagai pengantara dalam ritual itu. Pelaku wanita dipanggil

²⁸ Temubual dengan Dr Thanh Phanh, 15 Julai 1999. Lihat juga dalam Dao Huy Quyen, The National Musical Instruments in Gia Lai (Ho Chi Minh: Nha Xuat Ban Tre, 1998).

²⁹ Alat muzik yang menggunakan dua tali yang ditegang pada permukaan alat muzik itu dan diperbuat daripada cengkerang kura-kura atau tempurung kelapa untuk badan alat muzik itu. Phun Duy, Dan Nhac O Viet Nam, terjemahan, (Muzik Rakyat Vietnam) (Ho Chi Minh: Dac Khao Va, 1972), hlm. 36. Lihat juga kepada Ahmu Nhanh, "Nhac O Cam" dalam Kinhte Vanhoa Dantoc Cham, terjemahan, "Mengenai muzik Cam", (Ekonomi dan

Muk Rija dan pelaku lelaki pula dipanggil Ka-ing.³⁰

Dalam masa proses pengubatan, muzik diperlukan untuk menghasilkan keadaan kelupaan kepada Muk Rija supaya semangat yang diseru dan dipuja oleh Moduon dapat memasuki ke dalam tubuhnya. Proses pengubatan berlaku apabila Muk Rija mengalami kelupaan dan dimasuki semangat ke dalam tubuhnya. Ini menyebabkan berlaku interaksi di antara Moduon dengan semangat untuk memperolehi keputusan mengenai jenis penyakit yang dihidapi oleh pesakit.³¹

Kebudayaan Cam) (Ho Chi Minh: Open University of Ho Chi Minh, 1992), hlm. 62.

³⁰ Diperolehi semasa temubual dengan Dr Thanh Phanh, 15 Julai 1999.

³¹ "Beberapa mantera dibaca, kemudian ketua kepada keluarga pesakit itu mengasap buah-buahan sajian itu dengan asap dari serbuk kayu cendana. Seorang Maduon akan menyanyikan doa yang disebut, "adauh dao pamro" nyanyian undangan iringan sambil membunyikan alat muzik kanhi. Dalam masa yang sama seorang wanita yang mendadak kaku berjongkok di depan sajian di atas tikar dan memukul-mukul tikar itu mengikut irama dengan tongkat yang dipengangnya. Tidak lama kemudian jatuh terlentang dan tertidur, tubuhnya nampak merenggang beberapa kali sehelai kain ditebarkan ke atas tubuhnya. Moduon meneruskan nyanyian, akhir wanita itu bangun kembali dan menyatakan bahawa para dewata telah berkenan menerima sajian dan dimakannya sebiji yang lain dibahagikan kepada setiap yang hadir oleh ketua keluarga", Lihat pada Abdul Rahman Al-Ahmadi, ed., Alam Melayu, Sejarah dan Kebudayaan Campa, hlm. 210.

Masyarakat Cam juga menjalankan upacara ritual Rija iaitu ritual puja kepada semangat oleh secara individu atau berkeluarga dengan iringan muzik daripada repertoire Rija.³² Upacara ritual Rija boleh dibahagikan kepada empat bentuk mengikut masa iaitu Rija Nagar, Rija Hri, Rija Dayop dan Rija Prong.³³

Rija Nagar merupakan upacara ritual Rija yang dilakukan pada setiap awal tahun kelender Cam. Ritual Rija Nagar diadakan bertujuan menyembah kepada semangat pelindung kampung. Semangat yang dipuja itu dipanggil "Ahar Kamah" iaitu semangat yang menjaga keselamatan kampung daripada digangu oleh semangat jahat. Manakala, Rija Hri merupakan ritual yang membabitkan ahli keluarga sahaja. Biasanya, ritual Rija Hri dilakukan pada sebelah petang juga memuja semangat

³² Temubual dengan Phu Van Han, 17 Julai 1999.

³³ Upacara Rija terbahagi kepada empat bahagian seperti Rija Nagar diadakan menyambut pada awal tahun baru bulan Cam, Rija Hri merupakan upacara yang diadakan pada sebelah petang atau siang hanya membabitkan ahli keluarga sahaja, Rija Dayop pula adalah satu upacara ritual yang membabitkan ahli keluarga yang diadakan pada waktu malam atau senja dan Rija Prong merupakan Rija yang terbesar diadakan pada tahun tertentu sahaja. (Diperolehi semasa sesi temubual dengan Dr Thanh Phanh dan Phu Van Han, 17 Julai 1999).

"Ahar Kamah". Semangat itu dipuja bertujuan memelihara keselamatan keluarga mereka.

Begitu juga dengan Rija Dayop iaitu Rija yang dilakukan pada sebelah senja iaitu selepas Rija Hri. Rija Dayop merupakan kesinambungan kepada Rija Hri untuk melengkapkan ritual itu. Upacara ritual Rija terakhir iaitu Rija Prong yang bermaksud Rija besar. Rija Prong hanya dilakukan pada tujuh tahun sekali dengan mengorbankan seekor kerbau. Dalam ritual Rija Prong, semangat Po Kluang akan dipuja kerana ia dipercayai mempunyai kuasa yang membantu memelihara keselamatan kampung dan penduduk. Setiap upacara ritual Rija itu diketuai oleh Moduon dan dibantu oleh beberapa pemuzik dengan memainkan lagu-lagu seperti lagu Man Sri, lagu Girat, lagu Gilau dan lagu Cai Asit.

Daripada perbincangan mengenai hubungan semangat dan ritual dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam didapati bahawa kedua-dua masyarakat itu hampir mempunyai persamaan dari segi untuk mengimbangi dan mendampingi semangat. Selain itu, didapati masyarakat

Melayu Kelantan dan Cam akan memainkan muzik semasa mengadakan sesuatu upacara ritual sebagai pengantara untuk menghubungi semangat. Ini adalah kerana masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa dengan memainkan muzik dalam upacara ritual, ia dikatakan dapat mengawal atau memujuk semangat. Oleh itu, dipercayai bahawa semangat tidak akan terganggu atau membawa bencana kepada manusia.

Hubungan semangat dan repertoire seni persembahan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam

Begitu juga, masyarakat Melayu Kelantan dan Cam memerlukan semangat untuk repertoire seni persembahan mereka. Masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa semangat mempunyai kuasa yang dapat mempengaruhi melicinkan sesuatu persembahan. Ini adalah kerana masyarakat Melayu Kelantan dan Cam mempercayai bahawa semangat yang dipuja sebelum persembahan dikatakan mampu membantu atau memberi mereka menghasilkan mutu persembahan yang baik. Oleh itu sebelum dipersembahkan, setiap repertoire seni persembahan masyarakat Melayu

Kelantan dan Cam yang perlu menjalani upacara ritual untuk berhubung dengan semangat. Upacara ritual dalam repertoire seni persesembahan juga diiringi bunyian muzik daripada muzik repertoire itu sendiri.

Dalam masyarakat Melayu Kelantan, hubungan semangat dan repertoire seni persembahan boleh dilihat pada repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong. Kedua-dua repertoire itu memerlukan semangat untuk melicinkan atau membantu mengerakkan persesembahanya. Oleh itu, kedua-dua repertoire itu perlu menjalani upacara ritual yang khusus untuk menghubungi semangat sebelum dan berakhiri persembahan seperti upacara ritual baca kenduri, buka alat muzik, buka panggung dan tutup panggung.

Sebelum persembahan repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong perlu menjalani satu upacara ritual yang dipanggil upacara ritual baca kenduri.³⁴ Dalam Wayang Kulit Siam, upacara ritual baca kenduri diketuai oleh Tok Dalang dan dibantu beberapa pemuzik yang

³⁴ Ghulam Sarwar Yousof, Dictionary of Traditional South East Asian Theatre, hlm. 11 dan hlm. 34-37.

terdiri daripada pemain gendang, serunai dan gong. Biasanya, Tok Dalang akan mengadakan upacara ritual itu pada waktu pagi iaitu semasa matahari naik sebelah timur.³⁵ Pada masa itu, Tok Dalang akan membaca jampi mantera dengan menyeru semangat terutamanya semangat guru yang asal untuk memperolehi persetujuan untuk mengadakan persembahan.³⁶ Sebelum upacara ritual itu berakhir, lagu Bertabuh dimainkan sebagai tanda upacara ritual telah selesai.

Begitu juga dengan repertoire Makyong, upacara ritual diketuai oleh bomoh dan juga dibantu oleh beberapa pemuzik seperti pemain gendang, rebab dan gong. Bomoh akan menyeru semangat dengan diiringi muzik supaya ia dapat dipujuk atau dikawal.³⁷ Ini adalah bertujuan memperolehi persetujuan daripada semangat

³⁵ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

³⁶ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997. Lihat juga kepada Ghulam Sarwar Yousof, Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre, hlm. 91-106.

³⁷ Bomoh akan menyeru semangat seperti Orang Bumi, Orang Keramat, Orang di Padang, Orang di Kampung, Orang di Dusun, Orang di Gigi, Orang di Laut, Orang di Kayangan. Istilah Orang bermaksud semangat atau

supaya semasa persembahan nanti dapat mengelakkan berlaku gangguan atau bencana. Selain itu, semasa upacara baca kenduri turut disediakan beberapa sajian untuk dijamukan kepada semangat sebagai tanda penghormatan dan terima kasih.³⁸

Selepas upacara ritual baca kenduri, Tok Dalang atau bomoh akan melakukan satu upacara ritual khusus kepada alat muzik, ia dipanggil upacara ritual buka alat muzik.³⁹ Menurut kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan, alat-alat muzik seperti gendang, gedumbak dan geduk yang digunakan dalam persembahan repertoire Wayang Kulit Sian dan Makyong perlu dihormati kerana ia didiami semangat.⁴⁰ Ini adalah kerana semangat yang

penunggu menurut Hamzah Awang Amat, diperolehi semasa sesi temubual, 15 Julai 1997.

³⁸ Bahan penyediaan sajian terdiri pulut kuning, bertih, beras kunyit, sebiji telur masak dadar, air manis, air sejuk biasa, dadar tepung gandum, sirih pinang tiga piak, rokok daun dan tembakau, benang pengkeras, benang mentah, wang pengkeras dan kemenyan dan bara api di dalam bekas. (Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997). Lihat juga Ghulam Sarwar Yousof, Dictionary of Traditional South East Asian Theatre, hlm. 306-307.

³⁹ Ghulam Sarwar Yousof, Dictionary of Traditional South East Asian Theatre, hlm. 37.

⁴⁰ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

berada pada alat-alat muzik dikatakan mempunyai kuasa yang dapat mempengaruhi penghasilan mutu bunyi.

Dalam ritual buka alat muzik Wayang Kulit Siam, setiap alat muzik yang digunakan akan dijampi dan dipuja sebelum persembahan. Setiap alat muzik seperti gendang, gedumbak dan geduk akan dikumpulkan dan disusun dalam bentuk bulatan. Tok Dalang akan berada di tengah bulatan sambil memegang bara kemenyan berasap yang telah dipuja untuk diasapkan kepada setiap alat muzik itu.⁴¹ Semangat yang mendiami alat muzik itu akan diseru dan dipuja oleh Tok Dalang dengan membaca jampi mantera.⁴² Tok Dalang akan memuja setiap alat muzik itu dengan memanggil nama khas seperti gendang dipanggil Nobat Negeri, gedumbak pula dipanggil Sri Gemuruh dan geduk dipanggil Sri Guruh.⁴³

⁴¹ Ghulam Sarwar Yousof, Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre, hlm. 44.

⁴² Ghulam Sarwar Yousof, Dictionary of Traditional South East Asian Theatre, hlm. 34 dan lihat juga pada Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre, hlm. 37-53.

⁴³ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

Proses ritual buka alat muzik bermula apabila Tok Dalang mengambil satu persatu alat muzik untuk dijampi dan diasapkan. Dalam upacara buka alat muzik dimulai dengan gendang ibu kemudian diikuti alat muzik yang lain dengan diasapkan dibahagian permukaan untuk memelihara semangat yang mendiami alat-alat muzik itu. Kemudian alat muzik tabuhan ditabuh dengan memainkan lagu Bertabuh sebagai menandakan bahawa upacara ritual telah tamat dan boleh digunakan dalam persembahan.

Begitu juga dengan alat muzik yang digunakan dalam repertoire Makyong turut menjalani upacara ritual buka alat muzik. Dalam upacara ritual buka alat muzik repertoire Makyong, ia diketuai oleh seorang bomoh. Pada upacara ritual itu, bomoh akan mengambil terlebih dahulu rebab kerana ia merupakan ketua atau penghulu dalam ensemble muzik repertoire Makyong.⁴⁴ Proses upacara ritual buka alat muzik repertoire Makyong mempunyai persamaan dengan proses upacara ritual buka alat muzik Wayang Kulit Siam iaitu setiap alat muzik

⁴⁴ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

akan diasap dengan asap kemenyan. Bomoh membaca jampi mantera dengan menyeru atau membujuk semangat. Upacara buka alat muzik bertujuan memperkenalkan setiap alat muzik sebelum digunakan dalam persembahan. Selain itu, ia bertujuan memperolehi persetujuan daripada semangat yang mendiami alat muzik supaya membantu menghasilkan bunyi yang menarik.

Manakala, ritual buka panggung dalam repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong pula diadakan selepas ritual buka alat muzik. Begitu juga, upacara ritual buka panggung Wayang Kulit Siam dan Makyong turut diiringi bunyian muzik.⁴⁵ Upacara ritual buka panggung merupakan ritual yang penting untuk menghubungi semangat sebelum persembahan. Upacara ritual buka panggung sebagai permulaan kepada setiap persembahan repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong. Selain itu, ia sebagai tanda bahawa persembahan repertoire tersebut telah bersedia untuk dipersembahkan.

⁴⁵ Ghulam Sarwar Yousof, Panggung Semar: Aspects of Traditional Malay Theatre, hlm. 169-189 dan Dictionary of Traditional South East Asian Theatre, hlm. 34-37.

Dalam repertoir Wayang Kulit Siam, Tok Dalang akan melakukan beberapa upacara dalam upacara ritual buka panggung. Tok Dalang akan mengambil patung Maharisi dan dipuja dengan meletakkan beberapa batang lilin pada kaki patung itu (Lihat lampiran H, foto 1, halaman 253).⁴⁶ Patung itu akan diasap dan waktu yang sama lagu Maharisi dimainkan oleh pemain gendang dan gedumbak. Puja patung dilakukan supaya semangat pada patung Maharisi terpelihara dan tidak diganggu. Selepas itu, barulah Tok Dalang akan melakukan upacara ritual puja diri dalang. Upacara puja diri dalang dilakukan untuk menaikkan semangat Tok Dalang itu sendiri. Tok Dalang akan memasukkan ibu jari tangan kanan ke dalam mulut beliau dengan menekan kepada lelangit supaya menghasilkan suara yang baik.⁴⁷ Kemudian beliau menyapu pada keseluruhan muka dengan tapak tangan sebagai tanda selesai ritual buka panggung.⁴⁸ Pada masa yang sama,

⁴⁶ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

⁴⁷ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

⁴⁸ Patricia Matusky, Malaysian Shadow Play and Music: Continuity of an Oral Traditional (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1993), hlm. 19-20. Lihat juga Amin Sweeney, The Ramayana and the Malay Shadow Play (Kuala Lumpur: University of Malay Press, 1976) dan S.

lagu Bertabuh dimainkan bagi menandakan persembahan itu boleh dipersembahkan kerana mendapat persetujuan daripada semangat yang dipuja itu.

Manakala, ritual buka panggung dalam repertoire Makyong dilakukan oleh seorang bomoh. Bomoh akan mengambil segenggam beras dan memasukkan sedikit beras ke dalam mulutnya.⁴⁹ Pada masa yang sama, bomoh akan membaca jampi mantera sehingga beliau mengalami kelupaan sebelum alat rebab dimainkan. Serentak dengan itu bomoh akan menyembur beras yang terdapat dalam mulutnya ke arah kiri, kanan dan hadapannya. Begitu juga akan menabur sedikit beras ke atas kepala beliau, kiri-kanan bahu dan ke bawah pada bahagian kaki. Bomoh turut menabur sedikit beras kepada pemain alat muzik yang sedang memainkan lagu Bertabuh.⁵⁰ Kemudian bomoh

Singaravelu, "Invocation to Nataraja in the Southeast Asia Shadow-plays with special reference to the Kelantan shadow-play," dalam Traditional Drama and Music South East Asian Theatre, ed., Mohd Taib Osman (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972), hlm. 32-46.

⁴⁹ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

⁵⁰ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

akan menabur sedikit beras yang digenggamnya kepada setiap penjuru panggung itu sebagai tanda panggung telah di buka. Selepas upacara itu, ritual mengadap alat muzik rebab dilakukan. Semasa ritual buka panggung, pemain rebab akan memainkan lagu menghadap rebab sambil diiringi tarian menghadap rebab.

Begitu juga dengan masyarakat Cam memerlukan semangat untuk melicinkan repertoire seni persembahan mereka. Dalam masyarakat Cam, repertoire Rija dan Dhir Srwak penuh dengan upacara ritual yang membabitkan semangat. Oleh itu, masyarakat Cam juga menjalankan beberapa upacara ritual dengan diiringi bunyian muzik sebagai untuk mempercepatkan tidak balas semasa upacara ritual berlangsung.

Sebelum repertoire Rija dan Dhir Srwak dimainkan dalam masyarakat Cam perlu menjalani satu upacara ritual khusus iaitu "Ngap Kamrwai".⁵¹ Upacara ritual itu, ia diketuai oleh Moduon dan dibantu oleh beberapa

⁵¹ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Van Han, 5 Ogos 1999.

pemuzik yang terdiri daripada pemain ginang dan ceng. Moduon menjalankan upacara ritual baca kenduri dengan membaca jampi mantera sambil diiringi muzik repertoire Rija. Moduon menyeru semangat nenek moyang masuk ke dalam alam manusia supaya ia memberi persetujuan dan memberkati persembahan repertoire Rija. Semasa majlis baca kenduri, masyarakat Cam turut menyediakan beberapa sajian untuk disajikan kepada semangat seperti buah-buahan, beras dan seekor ayam jantan.⁵² Begitu juga dengan repertoire Dhir Srwak turut diadakan selepas majlis baca kenduri dengan bertujuan menghormati semangat dan tidak menganggu semangat semasa persembahan.

Selain itu, masyarakat Cam juga mengadakan upacara ritual buka alat muzik.⁵³ Setiap alat muzik yang digunakan dalam repertoire perlu menjalani upacara ritual tersebut. Namun begitu, proses upacara ritual buka alat muzik dalam repertoire Rija dan Dhir Swark

⁵² Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, Pusat Kebudayaan Suku Bangsa Cam, Phang-rang, 5 Ogos 1999.

⁵³ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

amat mudah. Selain itu, upacara ritual itu juga diiringi bunyian muzik daripada repertoire-repertoire tersebut. Upacara ritual buka alat muzik masyarakat Cam juga bertujuan berdamai dan mengawal semangat yang mendiami alat muzik supaya tidak terganggu.

Oleh itu, setiap alat muzik yang digunakan dalam repertoire Rija dan Dhir Srwak perlu menjalani upacara ritual itu terutama ginang. Dalam upacara ritual buka alat, ginang diambil oleh Moduon dan diasap pada permukaannya untuk memujuk atau mendamai semangat yang berada pada alat itu. Menurut kepercayaan masyarakat Cam, ginang dikatakan mempunyai kuasa yang mampu menghasilkan bunyi yang menarik dan menarik semangat luar masuk ke dalam alam manusia.⁵⁴ Ini bermaksud bahawa semangat yang berada pada ginang perlu dihormati. Semasa upacara ritual buka alat muzik, ia turut disediakan beberapa sajian seperti buah-buahan, beras dan seekor ayam jantan untuk disajikan kepada semangat.

Proses upacara ritual berakhir apabila ginang telah menjalani upacara ritual itu. Bagi menandakan upacara ritual buka alat muzik telah berakhir, pemuzik yang terbabit dalam upacara ritual itu akan menabuh ginang dengan memainkan beberapa lagu seperti lagu Man Sri, lagu Gilau dan lagu Girat.⁵⁵ Isyarat itu bermaksud bahawa upacara ritual buka alat muzik telah diterima dan dipersetujui oleh semangat.⁵⁶

Begitu juga sebelum persembahan repertoire Rija dan Dhir Swark dalam masyarakat Cam turut diadakan upacara ritual buka panggung. Namun begitu, upacara ritual buka panggung masyarakat Cam tidak selengkap upacara ritual buka panggung masyarakat Melayu Kelantan. Dalam upacara ritual buka panggung, Moduon hanya membaca jampi mantera sambil menabur sedikit beras pada setiap empat penjuru panggung atau pentas sambil diiringi bunyian

⁵⁴ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Van Han dan Phi Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

⁵⁵ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

⁵⁶ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu binh Dinh, 5 Ogos 1999.

muzik.⁵⁷ Ini adalah kerana ia dikatakan dapat mengelakkan persesembahan repertoir Rija yang sedang berlangsung tidak diganggu oleh semangat jahat. Selain itu, upacara buka panggung bertujuan supaya semangat yang dipuja dapat membantu mereka menghasilkan persesembahan yang menarik.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas didapati bahawa terdapat beberapa persamaan upacara ritual di dalam repertoir masyarakat Melayu Kelantan dan Cam. Di mana, repertoir masyarakat Melayu Kelantan dan Cam perlu melalui beberapa upacara ritual dengan iringan bunyi muzik sebelum dibenarkan persesembahan. Namun begitu, upacara ritual dalam repertoir msayarakat Melayu Kelantan lebih lengkap berbanding dengan upacara ritual dalam repertoir masyarakat Cam. Persamaan dari segi proses upacara ritual dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam adalah selari dengan teori akulturasi yang menyatakan bahawa budaya luar (budaya masyarakat Melayu Kelantan) telah diserap atau menyerap ke atas

⁵⁷ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

budaya tempatan (masyarakat Cam) dengan masyarakat Cam telah mengubahsuaikan mengikut budaya mereka.

Hubungan semangat dan alat muzik tabuhan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam

Begitu juga hubungan semangat dan alat muzik dalam masyarakat Melayu Kelantan dan Cam yang amat berkaitan rapat. Berdasarkan kepada beberapa definisi yang dikemukakan mengenai semangat di awal bab dapat menerangkan bahawa semangat adalah kuasa atau tenaga yang mempengaruhi benda atau sesuatu kejadian. Manakala daripada segi hubungan semangat dan alat muzik tabuhan didapati bahawa semangat yang mempengaruhi kelincinan permainan dan menghasilkan mutu bunyi yang menarik semasa persembahan repertoire.

Untuk melihat hubungan semangat dan alat muzik tabuhan dalam masyarakat Melayu Kelantan dirujuk kepada gendang dan rebana ubi. Ini adalah kerana gendang dan rebana ubi merupakan alat muzik tabuhan yang dominan dan sering dimainkan oleh masyarakat itu. Manakala masyarakat Cam pula adalah seperti ginang kerana ia

digunakan pada setiap repertoire dan apa jua majlis dalam masyarakat mereka.

Mengikut kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan dan Cam, gendang (ginang) didiami semangat.⁵⁸ Ini adalah kerana baluh gendang diperbuat daripada batang pokok kayu merbau atau bebam. Manakala, kulit yang menutupi permukaan yang terbuka pula diperolehi daripada kulit binatang seperti kulit lembu dan kambing. Oleh itu, dipercayai bahawa bahan-bahan tersebut dikatakan mempunyai semangat.

Masyarakat Melayu Kelantan mempercayai bahawa semangat yang mendiami alat muzik tabuhan yang membantu alat muzik itu dalam setiap persembahan repertoire.⁵⁹ Dalam persembahan repertoire Wayang Kulit Siam dan Makyong, gendang memainkan peranan penting bagi melicinkan kedua-dua persembahan repertoire itu.

⁵⁸ Diperolehi semsa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997. Temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

⁵⁹ Lihat pada Mohd Taib Osman, "Some Observation on the Social-Cultural," dalam Traditional Drama and Music of South East Asian, ed., Mohd Taib Osman, hlm. 313-316

Misalnya, repertoire Wayang Kulit Siam, pemain gendang akan menghasilkan rentak yang menarik dengan timbre bunyi yang jelas. Ini adalah kerana mengikut kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan, semangat yang mendiami gendang akan membantu pemain gendang menghasilkan rentak yang menarik. Rentak yang menarik akan mempengaruhi perjalanan persembahan repertoire. Selain itu, timbre bunyi yang dihasilkan daripada gendang turut dapat menarik penonton untuk datang menonton persembahan.⁶⁰ Mereka yang mendengar bunyi gendang akan terasa diri mereka ditarik dan perasaan mereka menjadi resah. Apabila mereka datang mendengar muzik atau menonton wayang kulit perasaan mereka kembali normal.⁶¹

dan lihat juga Patricia Matusky, "Malaysia Shadow Play and Music", (Ph. D, University of Michigan, 1980).

⁶⁰ Lagu Bertabuh mempunyai dua peranan dalam repertoire Wayang Kulit Siam. Peranan pertama memberikan tanda isyarat bahawa repertoire itu hendak bermula untuk menarik perhatian penonton untuk menonton wayang kulit. Peranan kedua iaitu menyatakan bahawa repertoire Wayang Kulit Siam telah memasuki ke dalam alam ghaib dengan membawa bersama fikiran penonton ke dalam repertoire itu. (Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997). Lihat juga kepada Amin Sweeney, The Ramayana and The Malay Shadow Play, hlm. 278-279.

⁶¹ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997. Lihat juga pada Raymond Firth,

Begitu juga, semangat yang berada pada rebana ubi yang dipercayai mempunyai kuasa yang dapat menimbulkan bunyi yang menarik.⁶² Masyarakat Melayu Kelantan mempercayai bahawa semangat yang mendiami rebana ubi perlu didamaikan atau dihormati terlebih dahulu sebelum dimainkan dalam sebarang persembahan atau pertandingan. Di mana, pemilik alat rebana ubi sering kali mengadakan upacara ritual khusus seperti memuja semangat alat muzik itu sebelum dimainkan. Pemilik rebana ubi mempercayai bahawa semangat harus dipelihara dan tidak diganggu. Pada proses upacara ritual memuja semangat, rebana ubi akan terlebih dahulu diasap dan dijampi. Pemilik rebana ubi akan dibantu oleh seorang bomoh untuk mengasap pada permukaan alat muzik itu sambil membaca jampi mantera dengan menyeru semangat. Upacara ritual memuja semangat bertujuan memelihara semangat daripada membawa bencana dan dapat membantu menghasilkan bunyi yang menarik semasa pertandingan.

"Faith and Scepticism in Kelantan Village Magic", hlm. 217-222 dan Ritual and Drama in Malay Spirit Mediumship, hlm. 200-205.

⁶² Diperolehi semasa sesi temubual dengan Ibrahim Senik, Akademi Seni Kebangsaan, Kuala Lumpur, 5 Julai 1997.

Biasanya, upacara ritual memuja semangat dilakukan pada waktu malam sebelum pertandingan. Proses upacara ritual memuja semangat berlangsung dengan rebana ubi akan dipalu beberapa kali. Pada proses itu, bomoh akan memalu permukaan rebana ubi sehingga merasa puas hati dengan mutu bunyi. Mengikut kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan, bunyi rebana ubi yang dihasilkan daripada ritual tersebut dikatakan mampu memutuskan tali rebana ubi lawan dan mematah semangat pemain lawan apabila mendengar bunyi tersebut.⁶³

Begitu juga semangat yang berada pada gendang turut dipercayai dapat membantu menarik semangat luar masuk ke dalam tubuh individu untuk pengubatan.⁶⁴ Dalam tujuan pengubatan, pemain gendang akan memainkan rentak yang berdasarkan kepada lagu-lagu yang bersesuaian dengan pengubatan. Misalnya, masyarakat Melayu Kelantan amat mempercayai bahawa semangat luar daripada

⁶³ Temubual dengan Ibrahim Senik, 5 Julai 1997 dan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997. Lihat juga kepada Che Ya Che Harun, "Rebana Ubi", (*Latihan ilmiah*, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1977).

⁶⁴ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

kehidupan atau berada di luar alam manusia boleh ditarik masuk ke alam manusia dengan bantuan bunyian gendang.⁶⁵ Masyarakat Melayu Kelantan menggunakan kaedah begitu dalam tradisi pengubatan Main Puteri. Semangat luar yang dipuja oleh bomoh dengan iringan bunyian tabuhan gendang dan melodi rebab akan mudah menyerapi masuk ke dalam tubuh individu yang dijadikan pengantara. Upacara ritual pengubatan akan menjadi lebih tegang apabila pemain gendang turut memanaskan upacara ritual itu dengan rentak yang bertenaga.⁶⁶ Suasana yang bertegang dan bertenaga boleh memberikan kesan dan mempercepatkan tindak balas yang baik terhadap upacara ritual pengubatan itu.

Selain itu, semangat yang mendiami alat muzik gendang juga dipercayai dapat mempengaruhi kelakuan seseorang pemain alat muzik itu. Menurut kepercayaan masyarakat Melayu Kelantan dipercayai bahawa semangat gendang yang membantu pemain gendang supaya tidak cepat

⁶⁵ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

⁶⁶ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

merasa letih atau penat.⁶⁷ Pemain gendang merasa perasaan diri mereka telah diserapi semangat. Ini bermaksud, pemain gendang tidak mengalami rasa kepenatan semasa persembahan. Sebaliknya, pemain gendang semakin bersemangat dan seronok. Misalnya, pemain gendang dalam repertoire Wayang Kulit Siam yang merasa diri mereka telah diserapi semangat. Ini adalah kerana keadaan diri mereka telah mengalami satu perubahan yang menyelubungi perasaan mereka menjadi lebih bersemangat dan gembira.

Ini juga memberi kesan kepada tenaga yang digunakan dalam permainan itu semakin bertambah dan bertenaga. Ini menyebabkan pemain gendang akan bermain dalam keadaan yang bersemangat dan bersungguh-sungguh sehingga berlaku pendarahan pada hujung jari tangan.⁶⁸ Biasanya, pemain gendang tidak sedar masa bila berlakunya luka kecil pada hujung jari sehinggalah persembahan tamat. Pendarahan hanya disedari apabila

⁶⁷ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

⁶⁸ Diperolehi semasa temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997 dan Nasir Yusof, Akademi Seni Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 25 Mei 1997.

terasa kesakitan pada bahagian hujung jari iaitu bahagian hujung jari itu mengalami luka kecil akibat kulit yang melecect dan pecah.

Selain itu, masyarakat Melayu Kelantan turut mempercayai bahawa semangat yang berada pada rebana ubi dapat mempengaruhi kelakuan pemain alat itu. Misalnya, semasa dalam pertandingan alat rebana ubi, pemain alat rebana ubi merasai bahawa diri mereka telah diselubungi perasaan yang bersemangat. Ini dimaksudkan, semangat telah mempengaruhi semangat pemain itu supaya menabuh rebana ubi dengan perasaan penuh bersungguh-sungguh dan bersemangat tanpa merasa letih.⁶⁹ Ini adalah kerana perasaan atau diri pemain rebana ubi seperti telah mengalami satu keadaan kelupaan kerana akibat daripada kesan bunyi yang telah menyerap masuk ke dalam jiwanya.

Begitu juga, pemain rebana ubi turut mengalami pendarahan pada jari tangan mereka semasa tabuhan. Semasa tabuhan itu, pemain rebana ubi tidak merasai

⁶⁹ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Ibrahim Senik, 5 Julai 1997.

rasa kesakitan pada jari tangan mereka sehingga permainan tamat. Ini adalah kesan daripada tabuhan yang kuat akibat diri mereka telah dipengaruhi semangat rebana ubi.

Selain itu, masyarakat Melayu Kelantan juga mempercayai bahawa semangat yang berada pada alat muzik tabuhan dapat membantu meningkat mutu persesembahan repertoire.⁷⁰ Misalnya, gendang yang ditabuh dalam persembahan repertoire Wayang Kulit Siam dapat mempengaruhi persembahan Tok Dalang. Bunyian tabuhan yang bertenaga yang disebabkan oleh bantuan semangat yang mendiami gendang dapat memberikan kesan pada pergerakan Tok Dalang semasa bercerita dan mengerakkan patung wayang. Di mana, keadaan pergerakan patung oleh Tok Dalang terutamanya pada waktu babak-babak yang penting kelihatan lebih menarik seperti pada babak peperangan atau pergaduhan di antara watak baik dan jahat. Secara tidak langsung, ia juga telah

⁷⁰ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Hamzah Awang Amat, 15 Julai 1997.

mempengaruhi jalan plot cerita yang dibawa oleh Tok Dalang menjadi lebih dramatik dan semakin menarik.

Begitu juga, hubungan semangat dan ginang dalam masyarakat Cam turut penting dalam membantu melicinkan proses persembahan repertoire. Masyarakat Cam juga mempercayai bahawa semangat yang berada pada ginang dapat melicinkan persembahan dengan membantu pemain ginang menghasilkan bunyi dan rentak yang menarik.⁷¹ Masyarakat Cam seperti juga masyarakat Melayu Kelantan mempercayai bahawa semangat yang mendiami ginang dapat membantu meningkatkan mutu persembahan repertoire. Misalnya dalam repertoire Rija, pemain ginang menabuh ginang dengan penuh rasa bersemangat dan bersungguh-sungguh untuk menghasilkan mutu persembahan menarik. Kesungguhan seperti itu diperlukan untuk menghasilkan satu persembahan yang menarik dan mampu menghiburkan penonton yang datang menonton persembahan tersebut.

⁷¹ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

Bunyi tabuhan yang menarik juga mampu memberi kesan kepada pendengarnya menjadi tidak tenteram dan berkeadaan gelisah. Menurut kepercayaan masyarakat Cam, semangat yang berada pada ginang telah mempengaruhi dan menarik perasaan penonton untuk menyaksikan persembahan tersebut. Untuk mengatasi masalah yang dialami oleh mereka, masyarakat Cam akan pergi menonton atau mendengar persembahan repertoire Rija. Pada masa yang sama, perasaan mereka yang resah sebelum itu telah kembali menjadi normal.⁷²

Selain itu, masyarakat Cam juga mempercayai bahawa semangat yang berada pada ginang dapat menarik semangat yang berada di luar alam manusia.⁷³ Semangat yang berada di luar alam manusia amat diperlukan oleh masyarakat Cam untuk tujuan pengubatan. Masyarakat Cam mempercayai semangat yang dipuja dan ditarik semasa upacara pengubatan didapati dapat membantu mereka memulihkan penyakit yang dihadapi oleh masyarakat

⁷² Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

⁷³ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

mereka. Oleh itu, masyarakat Cam menggunakan ginang untuk menghasilkan rentak yang diperlukan bagi menarik semangat.

Biasanya, menarik semangat bagi tujuan pengubatan, pemain ginang akan memainkan rentak-rentak yang berdasarkan kepada lagu-lagu yang dimainkan daripada repertoire Rija.⁷⁴ Pemain ginang akan memainkan lagu-lagu dengan bertujuan untuk menimbulkan satu keadaan kelupaan kepada individu yang bertindak sebagai pengantara.⁷⁵

Dalam upacara pengubatan, keadaan kelupaan amat diperlukan kerana semangat yang dipuja mudah dapat menyerapi masuk ke dalam tubuh pengantara di dalam keadaan seperti itu. Semasa semangat memasuki tubuh pengantara, beliau berada dalam keadaan tidak sedar diri. Pada waktu yang sama, pemain ginang akan

⁷⁴ Lagu seperti lagu Man Sri, lagu Po Gilau, lagu Gilau. Kesemua lagu itu digunakan dalam ritual pengubatan Dhir Swark dan Rija. (Diperolehi semasa temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999).

⁷⁵ Diperolehi semasa temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

mempercepatkan tempo dan rentak sambil Modoun akan berinteraksi dengan semangat untuk mengetahui jenis penyakit.

Begitu juga, masyarakat Cam turut mempercayai bahawa hubungan semangat dan ginang dapat mempengaruhi kelakuan pemain ginang. Masyarakat Cam mempercayai bahawa semangat yang berada pada ginang akan menyerap masuk ke dalam tubuh pemain ginang semasa persembahan tanpa mengubah bentuknya. Misalnya, semasa persembahan repertoire Rija, semangat yang mendiami ginang akan mempengaruhi corak tabuhan pemain ginang dengan lebih bersemangat dengan mempengaruhi perasaan pemain itu bermain dengan bersungguh-sungguh. Kesan yang ketara apabila pemain ginang tidak akan cepat merasa letih atau kepenatan semasa persembahan. Sebaliknya mereka lebih bersemangat dan gembira semasa tabuhan dilakukan. Pemain ginang mempercayai bahawa dirinya telah diserapi semangat.⁷⁶ Oleh itu, pemain ginang mampu menghasilkan

⁷⁶ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

satu keadaan persembahan yang bersemangat dan bertenaga.

Selain itu, pemain ginang juga mengalami keadaan tidak sedar apa yang berlaku ke atas dirinya. Pada masa itu, pemain ginang telah mengalami satu keadaan kelupaan sehingga berlaku perdarahan luka kecil pada bahagian hujung jari. Pemain ginang hanya menyedari pendarahan luka kecil hanya selepas permainan tamat dengan merasa kesakitan pada hujung jari yang berlaku pendarahan. Namun terdapat juga apabila pemain ginang bermain dalam keadaan bersemangat, ia juga akan mengoyakkan muka kulit ginang semasa tabuhan.⁷⁷ Keadaan itu hanya disedari oleh pemain apabila selepas persembahan berakhir.

Berdasarkan kepada perbincangan mengenai hubungan semangat dan alat muzik tabuhan didapati bahawa semangat mempunyai hubungan yang rapat dengan alat muzik tersebut. Ini adalah kerana semangat yang berada

⁷⁷ Diperolehi semasa sesi temubual dengan Phu Binh Dinh, 5 Ogos 1999.

pada alat muzik tabuhan dikatakan dapat mempengaruhi pemain alat muzik itu menghasilkan rentak yang menarik semasa persembahan. Begitu juga, semangat juga dapat mempengaruhi kelakuan pemain alat muzik tabuhan supaya bermain dengan penuh bersemangat dan bertenaga. Selain itu, semangat yang berada pada alat muzik tabuhan juga dapat menarik semangat luar masuk ke alam manusia untuk tujuan pengubatan.